



## IKLAN JAWATAN KOSONG (LUARAN)

Rujukan Fail: LLM.500-3/1/1 ( )

### 1) JURUUKUR BAHAN (GRED J52) KONTRAK

1. (a) Jawatan : Juruukur Bahan (Gred J52)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan: Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan

2. Jadual Gaji (Minimum-Maksimum): RM 5,857.00 – RM 12,446.00

3. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak melebihi 55 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan  
(ii) berdaftar sebagai Juruukur Bahan Siswazah dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia.
- (d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

- (e) Mempunyai pengalaman kerja sebagai **Juruukur Bahan** sekurang-kurangnya **15 tahun** dalam bidang **kerja lebuhraya/jalan** khususnya seperti berikut:
- i. Mempunyai pengalaman dalam aspek kos bagi elemen berkaitan pembinaan dan penyenggaraan lebuhraya/jalan.
  - ii. Mempunyai pengalaman dalam pengurusan kontrak bagi projek pembinaan/penyenggaraan lebuhraya/jalan.
  - iii. Berkeupayaan mentafsir klausa kontrak dengan baik terutama kontrak pembinaan.
  - iv. Mempunyai pengalaman dalam jenis kontrak pembinaan lebuhraya/jalan dan berpengalaman dalam rundingan kontrak.
- (f) Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan profesional yang diiktiraf; dan
- (g) Mempunyai tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang baik.

4. Taraf Jawatan : Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

Antara fungsi bidang tugas jawatan adalah seperti berikut:

- (a) Memberi nasihat berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran kontrak kepada pegawai di LLM;
- (b) Menyemak kemunasabahan anggaran kos CAPEX dan OPEX bagi lebuhraya baharu yang dikemukakan oleh syarikat pencadangan kepada kerajaan;
- (c) Memantau pelaksanaan proses perolehan tender/sebutharga yang telah diluluskan dalam peruntukan belanjawan tahunan supaya lantikan kontraktor dapat dibuat sebagaimana jadual perolehan;
- (d) Memberi nasihat khususnya terhadap kos berkaitan pembinaan, operasi dan penyenggaraan lebuhraya kepada pegawai di LLM dan agensi kerajaan berkaitan;

- (e) Membantu Pengarah Ukur Bahan dan Kontrak di dalam sesi rundingan kos berkaitan lebuh raya meliputi anggaran kos yang dikemukakan oleh syarikat pencadang kepada kerajaan, di dalam sesi rundingan terus dan sebagainya;
- (f) Menyemak cadangan anggaran kos awalan yang disediakan oleh Juru Ukur Bahan untuk kontrak yang akan dilaksanakan oleh LLM dan kontrak yang diarahkan oleh kerajaan kepada LLM;
- (g) Menyemak dokumen tawaran tender/sebutharga termasuk senarai bahan, spesifikasi, syarat-syarat kontrak yang digunapakai dan lain lain dokumen berkaitan untuk tujuan pelawaan tender/sebutharga; dan
- (h) Membantu Pengarah Ukur Bahan dan Kontrak dalam membimbing pegawai di bawah seliaan memantapkan kepakaran dalam bidang Ukur Bahan dan Kontrak.

## **2) PEGAWAI UNDANG-UNDANG (GRED L48) KONTRAK**

1. (a) Jawatan : Pegawai Undang-Undang (Gred L48)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan: Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perundangan Dan Kehakiman

2. Jadual Gaji (Minimum-Maksimum): RM 5,800.00 – RM 12,375.00

3. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak melebihi 55 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (ii) Sijil Amalan Guaman; atau
- (iii) Barrister-at-law-England; atau
- (iv) *Solicitor of the Supreme Court of Judicature of England* atau *Solicitor of the Senior Courts of England and Wales* daripada *Solicitor Regulation Authority*.
- (d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (e) Mempunyai pengalaman kerja dan sekurang-kurangnya 8 tahun dalam bidang perundangan;
- (f) Mempunyai tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang baik.

4. Taraf Jawatan : Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

Antara fungsi bidang tugas jawatan adalah seperti berikut:

- (i) Menguruskan hal ehwal perundangan dan penguatkuasaan *Multi Lane Free Flow (MLFF)*;
- (ii) Memantau pematuhan terma perjanjian berkaitan pelaksanaan MLFF;
- (iii) Memberi khidmat nasihat perundangan berkaitan MLFF; dan
- (iv) Menerima dan menyemak data serta maklumat berhubung pengguna lebuhraya yang melakukan kesalahan tol.

### 3) PEGAWAI TADBIR (GRED N41) KONTRAK

1. (a) Jawatan : Pegawai Tadbir (Gred N41)
  - (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
  - (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
  - (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan
2. Jadual Gaji (Minimum-Maksimum): RM 2,080.00 – RM 9,546.00
  3. Syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00); atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43); dan

- (d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. Taraf Jawatan : Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas berkaitan pengurusan sumber manusia, latihan, perkhidmatan, pentadbiran pejabat, kualiti, hal ehwal korporat, pengurusan aset, pengambilan tanah, pemantauan projek lebuhraya bertol, mengaudit trafik dan hasil tol, pengurusan integriti dan tata tertib serta auditan dalaman selaras dengan pekeliling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

**4) PEMANDU KENDERAAN (GRED H11) KONTRAK**

1. (a) Jawatan : Pemandu Kenderaan (Gred H11)
- (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran

2. Jadual Gaji (Minimum-Maksimum): RM 1,218.00 – RM 2,939.00

3. Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/1 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
- (iii) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

(Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D : RM1,264.15
- Lesen E/E1/E2 : RM1,310.30
- Lesen F/H : RM1,356.45
- Lesen G/I : RM 1,402.60

(d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan serta menjaga kenderaan di bawah kelolaan supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan.

### **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara *on-line* melalui laman sesawang Lembaga Lebuhraya Malaysia di alamat <http://ejawatan.llm.gov.my> mulai **22 September 2022 (Khamis)** hingga **5 Oktober 2022 (Rabu)**.

### **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan adalah pada **6 Oktober 2022 (Khamis)**.

### **PERMOHONAN DITOLAK**

Permohonan akan ditolak sekiranya:

1. Tidak lengkap;
2. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan; dan
3. Permohonan diterima pada atau selepas tarikh tutup permohonan.

## **CATATAN AM**

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga tidak ditanggung oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.

z/perjawatan/iklan jawatan kosong/2022/J52 QS-N41-H11-KONTRAK